05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGETAHUAN, SIKAP DAN AMALAN KEBERSIHAN DIRI DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH MENGIKUT PERSPEKTIF IBU BAPA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

FATHEN AISHAH BINTI MOHD MOKTAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGETAHUAN, SIKAP DAN AMALAN KEBERSIHAN DIRI DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH MENGIKUT PERSPEKTIF IBU BAPA

FATHEN AISHAH BINTI MOHD MOKTAR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK) [MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS]

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
اونيۏرسيتي ڤندidikan سلطان ادريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (/) Kertas Projek	
Sarjana Penyelidikan	
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus	/
Doktor Falsafah	

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **10 Jun 2021**

i. Perakuan pelajar :

Saya Fathen Aishah Binti Mohd Moktar, M20172001765 dari Fakulti Pembangunan Manusia dengan ini mengaku bahawa laporan kajian tesis sarjana yang bertajuk Pengetahuan, Sikap dan Amalan Kebersihan Diri dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah mengikut Perspektif Ibu Bapa adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan penyelia:

Saya, Zaharah Binti Osman dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pengetahuan, Sikap dan Amalan Kebersihan Diri dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah mengikut Perspektif Ibu Bapa dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Fakulti Pembangunan Manusia bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus.

10.6.2021
Tarikh

Tandatangan Penyelia

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: Pengetahuan, Sikap dan Amalan Kebersihan Diri dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah Mengikut Perspektif Ibu Bapa

No. Matrik /*Matric's No.*: M20172001765

Saya / *I* : Fathen Aishah Binti Mohd Moktar

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (√) for category below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restircted information as specified by the organization where research was done.*
☑	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 15 Jun 2021

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Official Stamp*)

DR. ZAHARAH BINTI OSMAN
Pensyarah Kanan
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

"Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang"

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya serta limpah kurnia-Nya dapat saya menyempurnakan kajian ini. Benar kata orang bukan mudah untuk menggapai kejayaan tanpa usaha dan pengorbanan.

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada pensyarah penyelia saya iaitu Dr Zaharah binti Osman yang banyak membantu dan memudahkan proses untuk menyiapkan kajian saya ini. Di samping idea, teguran dan nasihat yang membina serta semangat yang diberikan sehingga penulisan tesis saya dapat disiapkan dengan jayanya. Sesungguhnya tanpa bimbingan dan tunjuk ajar beliau saya yakin dan percaya penulisan ini masih belum dapat disempurnakan lagi.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada ibu bapa saya yang banyak memberi semangat dan mendoakan kejayaan saya. Terutama ibu saya Wan Norma binti Wan Ibrahim yang memberi sokongan dari segi kewangan dan dorongan semangat untuk terus berjuang. Seterusnya, tidak lupa kepada abang-abang dan kakak-kakak serta sahabat seperjuangan saya yang banyak memberikan pendapat dan tunjuk ajar di saat saya buntu.

Akhir sekali, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menjayakan kajian ini. Tanpa dorongan dan sokongan kalian adalah sukar bagi saya untuk menyiapkan kajian ini dengan sempurna. Segala pengorbanan dan didikan tidak akan saya lupakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bagi tujuan meninjau tahap pengetahuan, sikap dan amalan, perbezaan pengetahuan, sikap dan amalan mengikut jantina anak dan hubungan antara pengetahuan dengan sikap, pengetahuan dengan amalan dan sikap dan amalan berkaitan kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah mengikut perspektif ibu bapa. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu jenis kajian tinjauan. Sampel kajian terdiri daripada ibu bapa kanak-kanak prasekolah di beberapa beberapa buah sekolah di daerah Klang. Pemilihan sekolah dilaksanakan secara rawak mudah dan kesemua ibu bapa di sekolah tersebut terlibat untuk menjawab soal selidik yang diedarkan. Instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik yang mempunyai kesahan (CVI > 0.90) dan kebolehpercayaan(nilai pekali alpha: 0.45-0.80) yang baik. Data dianalisis dan dihuraikan berdasarkan peratusan, kekerapan,mod, ujian t dan ujian korelasi. Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan (71.9%) dan sikap (96.2%) adalah tahap bagus manakala amalan (47.7%) di tahap sederhana. Seterusnya, perbezaan pengetahuan, sikap dan amalan mengikut jantina anak pula tidak terdapat perbezaan perspektif ibu bapa yang signifikan ($t = 0.25$, $p > 0.05$). Skor min kanak-kanak lelaki (33.01) adalah lebih tinggi daripada skor min kanak-kanak perempuan (32.89) namun perbezaan skor min adalah kecil. Kemudian, hubungan antara pengetahuan dengan sikap ($r = 0.25$, $p < 0.05$), pengetahuan dengan amalan ($r = 0.62$, $p < 0.05$) dan sikap dengan amalan ($r = 0.25$, $p < 0.05$) wujud hubungan yang signifikan walaupun kekuatan hubungan berbeza. Kesimpulannya, tahap pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan diri adalah antara bagus dan sederhana, bagi perbezaan pula, tiada perbezaan antara kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan dan hubungan antara pembolehubah turut menunjukkan kekuatan yang berbeza. Kajian ini diharap dapat mendedahkan kebersihan diri dalam kalangan ibu bapa dan juga kanak-kanak dengan lebih meluas supaya dapat mengetahui tahap, perbezaan dan hubungan kebersihan diri dengan pembolehubah pengetahuan, sikap dan amalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KNOWLEDGE, ATTITUDE, AND PRACTICE OF PERSONAL HYGIENE AMONG PRESCHOOLERS IN THEIR PARENTS' PERSPECTIVE

ABSTRACT

This study aims is to survey the level of knowledge, attitude and practice, difference of knowledge, attitude and practice according to children's gender and relation between knowledge and attitude, knowledge and practice, attitude and practice regarding personal hygiene among preschoolers in their parents' perspective. The research design for this paper is quantitative which is survey. Samples are among preschool parents in a few schools in Klang. Schools were selected using a simple random sampling technique and all parents in those schools involved to answer questionnaire. The questionnaire is the only instrument for this research and it had good reliability (CVI > 0.90) and validity (Cronbach Alpha value: 0.45-0.80) value. Data analyzed and elaborated in percentage, frequency, mode, t-test, and correlation. The result shows that knowledge (71.9%) and attitude (96.2%) are at good level while practice (47.7%) is at moderate level. Regarding the difference between knowledge, attitude, and practice according to children's gender, there was no significant difference based on parents' perspective ($t = 0.25$, $p > 0.05$). Score min for boys (33.01) is higher than score min for girls (32.89) but both min scores show small difference. Then, the relationship between knowledge and attitude ($r = 0.25$, $p < 0.05$), knowledge and practice ($r = 0.62$, $p < 0.05$), attitude and practice ($r = 0.25$, $p < 0.05$), there were significant relationship even though relation strength are difference. In a nutshell, knowledge, attitude, and practice level of personal hygiene were between good to moderate, while there was no difference between boys and girls and the relation between variables showed difference strength. Hopefully, this research able to expose about personal hygiene among parents and children widely, thus, they will know about personal hygiene in terms of level, difference, and relationship with knowledge, attitude, and practice.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN ii

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL ix

SENARAI RAJAH xi

SENARAI SINGKATAN xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 2

1.3 Penyataan Masalah 4

1.4 Objektif Kajian 7

1.5 Persoalan Kajian 8

1.6 Hipotesis Kajian 9

1.7 Kerangka Konseptual dan Teoritikal 10

1.8 Definisi Operasional 11

1.8.1 Pengetahuan 12

1.8.2 Sikap 12

1.8.3 Amalan 13

1.8.4 Kebersihan Diri 13

1.8.5 Prasekolah 13

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	1.8.6 Ibu Bapa	14
1.9	Batasan Kajian	14
1.10	Kepentingan Kajian	15
1.11	Rumusan	17

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	18
2.2	Konsep Kebersihan Diri	19
2.3	Model Pengetahuan, Sikap dan Amalan (KAP)	20
2.4	Teori Ekologi Urie Bronfenbrenner	23
2.5	Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura	25
2.6	Kajian Berkaitan	26
	2.6.1 Kebersihan Diri	27
	2.6.2 Pengetahuan, Sikap dan Amalan tentang Kebersihan Diri	29
	2.6.3 Pengetahuan dan Amalan tentang Kebersihan Diri	32
2.7	Rumusan	35

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	37
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	40
3.4	Instrumen Kajian	42
3.5	Kesahan	51
3.6	Kajian Rintis	57
3.7	Kebolehpercayaan	58
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	59
3.9	Normaliti Data	60

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.10 Kaedah Analisis Data 62

3.10.1 Soalan Kajian 1 63

3.10.2 Soalan Kajian 2 65

3.10.3 Soalan Kajian 3 66

3.11 Rumusan 67

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 68

4.2 Demografi Sampel 69

4.3 Persoalan 1 74

4.3.1 Tahap Pengetahuan Kebersihan Diri dalam kalangan Kanak-kanak Prasekolah mengikut Perspektif Ibu Bapa 74

4.3.2 Tahap Sikap Kebersihan Diri dalam kalangan Kanak-kanak Prasekolah mengikut Perspektif Ibu Bapa 78

4.3.3 Tahap Amalan Kebersihan Diri dalam kalangan Kanak-kanak Prasekolah mengikut Perspektif Ibu Bapa 80

4.4 Persoalan 2 84

4.4.1 Perbezaan antara Pengetahuan, Sikap dan Amalan Kebersihan Diri dalam kalangan Kanak-kanak Prasekolah mengikut Perspektif Ibu Bapa berdasarkan Jantina Anak 84

4.5 Persoalan 3 86

4.5.1 Hubungan Pengetahuan dengan Sikap Kebersihan Diri dalam kalangan Kanak-Kanak Prasekolah daripada Perspektif Ibu Bapa 86

4.5.2 Hubungan Pengetahuan dengan Amalan Kebersihan Diri dalam kalangan Kanak-Kanak Prasekolah daripada Perspektif Ibu Bapa 87

4.5.3 Hubungan Sikap dengan Amalan Kebersihan Diri dalam kalangan Kanak-Kanak Prasekolah daripada Perspektif Ibu Bapa 88

4.6 Rumusan 89

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan 90

5.2 Ringkasan Kajian 91

5.3 Perbincangan 92

5.3.1 Tahap Pengetahuan,Sikap dan Amalan Kebersihan Diri dalam kalangan Kanak-kanak Prasekolah mengikut Perspektif Ibu Bapa 92

5.3.2 Perbezaan antara Pengetahuan, Sikap dan Amalan Kebersihan Diri dalam kalangan Kanak-kanak Prasekolah mengikut Perspektif Ibu Bapa berdasarkan Jantina Anak 95

5.3.3 Hubungan Pengetahuan dengan Sikap dan Amalan serta Sikap dengan Amalan Kebersihan Diri dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah daripada Perspektif Ibu Bapa 97

5.4 Implikasi 98

5.5 Cadangan Kajian 100

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan 101

5.7 Kesimpulan 103

RUJUKAN 104

LAMPIRAN 113

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No Jadual		Halaman
3.3	Penentuan Saiz Sampel berdasarkan Populasi Krejcie & Morgan	41
3.4a	Item Soal Selidik Asal	45
3.4b	Soal Selidik Asal	46
3.4c	Hasil Ujian *Kaiser Meyer Olkin* dan Ujian *Bartlett's of Sphericity*	50
3.4d	Nilai Komunaliti	50
3.5a	Keputusan CVI	54
3.5b	Item yang Diperbaiki berdasarkan Saranan Pakar	55
3.7	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen	58
3.9	Nilai Skewness dan Kurtosis bagi Konstruk Pengetahuan, Sikap dan Amalan	62
3.10	Kaedah Analisis Data	63
3.10.1	Julat Tahap Pengetahuan, Sikap dan Amalan	65
3.10.3	Nilai Kekuatan Hubungan Korelasi	66
4.2a	Taburan Kekerapan dan Peratus mengikut Jantina Anak	69
4.2b	Taburan Kekerapan dan Peratus mengikut Kategori Ibu Bapa atau Penjaga	70
4.2c	Taburan Kekerapan dan Peratus mengikut Umur	71
4.2d	Taburan Kekerapan dan Peratus mengikut Bangsa	71

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2e	Taburan Kekerapan dan Peratus mengikut Pendidikan Tinggi	72
4.2f	Taburan Kekerapan dan Peratus mengikut Bilangan Anak	73
4.3.1a	Taburan Kekerapan dan Peratus Bahagian B	74
4.3.1b	Taburan Kekerapan dan Peratus Bahagian B (Item 1, 3, 4, 5, 8, 10, 11, 12)	76
4.3.1c	Taburan Kekerapan dan Peratus Bahagian B (Item 2, 6, 7, 9, 13, 14, 15, 16)	77
4.3.2	Taburan Kekerapan dan Peratus Bahagian C	79
4.3.3a	Taburan Kekerapan dan Peratus Bahagian D	81
4.3.3b	Taburan Kekerapan dan Peratus Bahagian D (Item 10, 12, 17, 18)	82
4.3.3c	Taburan Kekerapan dan Peratus Bahagian D (Item 2, 4, 14, 19, 19, 21)	83
4.4.1	Keputusan Ujian t	85
4.5.1	Keputusan Hubungan antara Pengetahuan denganSikap Kebersihan Diri dalam kalangan Kanak-kanak Prasekolah mengikut Perspektif Ibu Bapa	87
4.5.2	Keputusan Hubungan antara Pengetahuan dengan Amalan Kebersihan Diri dalam kalangan Kanak-kanak Prasekolah mengikut Perspektif Ibu Bapa	88
4.5.3	Keputusan Hubungan antara Sikap dengan Amalan Kebersihan Diri dalam kalangan Kanak-kanak Prasekolah mengikut Perspektif Ibu Bapa	89

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No Rajah		Halaman
1.7	Kerangka Konseptual dan Teoritikal	11
2.2	Model KAP. Sumber: Bano et al. (2013)	22
4.3.1	Tahap Pengetahuan	78
4.3.2	Tahap Sikap	79
4.3.3	Tahap Amalan	84

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

BPPD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
CVI	*Content Validation Index*
FPM	Fakulti Pembangunan Manusia
HFMD	*Hand, Foot and Mouth Diseases*
JPNS	Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
KAP	*Knowledge, Attitude and Practice*
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KMO	*Kaiser Meyer Olkin*
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
PRPM	Pusat Rujukan Persuratan Melayu
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SPSS	*Statistical Package for the Social Science*
UNICEF	*United Nations Children's Fund*
WHO	*World Health Organization*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pengenalan

Di dalam bab ini pengkaji telah membincangkan pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah berdasarkan perspektif ibu bapa. Pengkaji telah meninjau pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan diri kanak-kanak prasekolah daripada perspektif ibu bapa seterusnya melihat hubungan antara pembolehubah tersebut. Pernyataan masalah bagi kajian ini dijelaskan berserta dengan latar belakang kajian, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konsep kajian, batasan kajian, dan definisi istilah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Kebersihan adalah satu bahagian penting dalam kehidupan yang sangat diperlukan bagi tujuan menjalani gaya hidup yang sihat. Menurut Bashir dan Masih (2018), kebersihan adalah istilah sains yang luas berkaitan menggalakkan kesihatan serta perlindungan kesihatan sebelum wujudnya tingkah laku atau amalan kesihatan tertentu. Lal dan Kavitha (2016) pula mendefinisi kebersihan adalah sains dan seni yang dikaitankan dengan pemeliharaan kesihatan serta menggalakkan kesihatan. Tambahan lagi, kebersihan merupakan satu amalan yang dilakukan untuk mengekalkan kesihatan. Menurut *World Health Organisation* (WHO), kebersihan didefinisikan sebagai "*the condition and practices that help to maintain health and prevent the spread of disease.*" (Water Aid, 2012). Kebersihan turut dianggap sebagai syarat atau amalan yang kondusif untuk mengekalkan kesihatan dan mencegah penyakit (Kumwenda, 2019).

Asas kebersihan adalah amalan yang mana membantu mengekalkan kesejahteraan serta mencegah penularan penyakit berjangkit. Terdapat beberapa jenis kebersihan umum termasuk kebersihan diri, kebersihan makanan, dan kebersihan semasa mengendalikan sisa (Kumwenda, 2019). Kebersihan diri selalunya merujuk kepada menjaga kebersihan tubuh badan daripada rambut, kepala hingga ke kuku kaki. Menurut *United Nations Children's Fund* (UNICEF, 2016), kebersihan diri merangkumi kebersihan seluruh bahagian anggota badan seperti muka, rambut, badan, kaki dan tangan. Selain itu, UNICEF turut menyatakan kebersihan diri merujuk kepada penjagaan peribadi termasuk penjagaan rambut, penjagaan kuku, penjagaan kaki dan penjagaan genital serta penjagaan gigi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lantaran itu, kebersihan sangat penting dan perlu dititikberat dalam kalangan kanak-kanak. Tambahan pula, ketahanan badan kanak-kanak agak lemah jika dibandingkan dengan orang dewasa. Hal ini demikian, kanak-kanak lebih mudah terdedah kepada penyakit. Sebagaimana yang dinyatakan oleh UNICEF (2011) bahawa kanak-kanak berisiko tinggi untuk mendapat penyakit yang boleh mengancam nyawa seperti cirit birit yang mana dilaporkan 25 hingga 40 peratus daripada semua kematian kanak-kanak adalah semasa kecemasan penyakit ini. Oleh itu, sekiranya aspek kebersihan diambil mudah oleh orang dewasa, kanak-kanak mudah terdedah dengan pelbagai penyakit. Begum (2019) turut menyatakan sekiranya kanak-kanak tidak dijaga dengan baik sedari awal usia akan memberi kesan buruk kepada kesihatan.

Rentetan itu, kanak-kanak iaitu individu yang mudah meniru dan senang dipengaruhi oleh persekitaran perlu didedahkan dengan pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan diri yang tepat. Aminah Ayob, Rohani Abdullah, Nani Menon, dan Jameyah Shariff (2013) ada menekankan “Setiap kanak-kanak hendaklah didedahkan dengan amalan kebersihan yang betul dari awal lagi secara tekal supaya menjadi amalan yang berterusan sehingga dewasa. Selain itu, amalan kebersihan yang berterusan dapat mengelakkan jangkitan penyakit berjangkit.” (hlm 516). Menurut Sarkar (2013), tanggungjawab asas sepanjang hayat untuk menjaga kebersihan diri perlu ditetapkan pada awal usia kanak-kanak oleh kerana pentingnya kesihatan pada peringkat kanak-kanak seterusnya mempengaruhi peringkat dewasa dan juga perkembangan kesihatan yang laian. Jelas bahawa kanak-kanak perlu diajar atau diberi pendedahan tentang kebersihan sedari awal usia terutama kebersihan yang berkaitan dengan diri. Pendedahan tentang amalan kebersihan perlu diterapkan kepada kanak-kanak sebagai pembelajaran sepanjang hayat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, memandangkan kanak-kanak selalu bersama ibu bapa, setiap pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan diri ibu bapa menunjukkan pengetahuan, sikap dan amalan kanak-kanak juga. Stephens (2007) menyatakan kanak-kanak pada umumnya cenderung untuk membesar seperti ibu bapa mereka. Para penyelidik telah mengenal pasti banyak kitaran yang sebegini berterusan dari generasi ke generasi yang berikutnya. Justeru, ibu bapa perlu memberi pengetahuan, menunjukkan sikap dan melaksanakan amalan yang tepat tentang kebersihan diri kepada kanak-kanak.

Oleh itu, kajian mengenai kebersihan diri mengikut perspektif ibu bapa dilaksanakan. Kajian ini beranggapan ibu bapa pengetahui pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan diri anak mereka. Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengetnal pasti tahap pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan diri, menentukan perbezaan pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan diri mengikut jantina anak serta menentukan hubungan antara pengetahuan, sikap dana amalan kebersihan diri.

1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan kesihatan adalah suatu proses memperoleh pengalaman bagi mempengaruhi kefahaman, sikap dan amalan terutama berkaitan dengan kesihatan individu. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM, 2015) dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran: Pendidikan Kesihatan Tahun Enam turut mendefinisikan:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Pendidikan Kesihatan ialah disiplin ilmu yang membolehkan murid mendapat pengalaman pembelajaran secara berterusan untuk membuat keputusan, meningkatkan literasi kesihatan dan mengamalkan gaya hidup sihat. Murid dididik supaya sentiasa bersedia menyesuaikan diri dalam aspek fizikal, mental, emosi, sosial dan rohani. Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Kesihatan yang terancang dapat meningkatkan potensi individu ke tahap kesihatan optimum. (KPM, 2015, hlm. 1)

Pendidikan kesihatan diri membolehkan kanak-kanak mengawal kesihatan diri melalui pengetahuan, kemahiran dan amalan gaya hidup sihat. Salah satu cara adalah melalui amalan pengurusan diri. Terdapat beberapa aspek dalam amalan pengurusan diri salah satu daripadanya adalah pengurusan kebersihan tubuh. Contoh pengurusan kebersihan tubuh adalah membersihkan tubuh atau mandi, mencuci muka, mencuci rambut, dan menggosok gigi. Pengurusan tubuh hampir sama maksudnya dengan kebersihan diri. Kebersihan diri merupakan ilmu kehidupan yang sihat dan merangkumi semua aktiviti yang menyumbang kepada kesihatan individu (Ghose, Rahman, Hassan, Khan & Alam, 2012: Rajbhandari, Dhaubanjar, Bahadur & Dahal, 2018).

Kegagalan dalam mengawal kebersihan boleh menyebabkan banyak implikasi berkaitan isu penyakit, sosial dan psikologi yang disebabkan oleh kurang penjagaan kebersihan (Al-Rifaai, Al Haddad & Qasem, 2018). Dalam konteks psikologi, Ranasinghe, Ramesh dan Jaconsen (2016) menyatakan kurang kesihatan mental boleh membawa kepada amalan kebersihan yang teruk dan meningkatkan risiko jangkitan penyakit. Dalam aspek psikososial pula, Bisung dan Elliott (2016) menyatakan, kurang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan air bersih dan sanitasi yang sesuai juga merupakan aspek dalam kebersihan yang mempengaruhi kesejahteraan psikososial indidvidu. Oleh itu, kebersihan sangat penting dalam kehidupan setiap individu.

Parveen, Muhammad Afzal, Muhammad Hussain dan Amir Gilani (2018) menyatakan amalan kebersihan diri yang tidak cukup atau kurang merupakan punca utama tersebarnya penyakit berjangkit. Rentetan itu, kebersihan diri merupakan salah satu kaedah yang paling berkesan bagi mencegah penyakit. Hal ini seiring dengan pendapat Alsager, Abdali, dan Moawad (2018) yang menyatakan kebersihan diri adalah konsep asas kebersihan yang turut merupakan langkah pertama bagi kesihatan yang baik. Dalam kata lain, kebersihan diri dianggap sebagai salah satu bahagian paling penting dalam kehidupan seharian walau di mana jua. Pada masa yang sama, kebersihan diri banyak membantu mengelak daripada penyakit iaitu melindungi kesihatan diri. Selain itu, Kumar, Kumar, Singh, Jiyaullah dan Kumar (2018), turut menyatakan pengetahuan dan amalan kebersihan diri yang betul memainkan peranan penting dalam mencegah penyakit-penyakit seperti cirit birit, *dysentery*, muntah-muntah, karies gigi, *pyorrhea*, masalah gatal-gatal, penyakit kulit dan sebagainya.

Selain itu, terdapat juga kajian lepas tentang yang mengupas perihal tahap pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan ibu bapa. Menurut Hamasha, Rasheed, Aldosari dan Rajion (2019) menyatakan pengetahuan dan kesedaran berkaitan kesihatan oral kanak-kanak di negara-negara membangun melaporkan ibu bapa mempunyai kurang pengetahuan dan kesedaran. Sehrawat et al (2016) turut menyatakan pengetahuan tentang kesihatan oral dalam kalangan para ibu adalah lemah dan secara keseluruhan kajian menyimpulkan kesihatan oral ibu yang lemah dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan dan sikap, mempengaruhi amalan terhadap anak mereka. Manakala kajian tentang kebersihan tangan daripada Nurul A Mohamed, Nur N Zulkifli Amin, Shalinawati Ramli, Ilina Isahak dan Nooriah Mohamed Salleh (2016) sebaliknya menyatakan secara keseluruhan pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan tangan dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah adalah bagus. Jelas bahawa, pengetahuan, sikap dan amalan ibu bapa berbeza-beza. Kebersihan diri ibu bapa akan memberi impak besar kepada kebersihan diri kanak-kanak rentetan daripada ibu bapa merupakan model contoh kepada anak-anak di rumah. Setiap pengetahuan, sikap dan amalan yang diajar atau ditunjukkan kepada kanak-kanak samada secara langsung atau tidak langsung akan menjadi ikutan anak-anak dalam kehidupan seharian.

Justeru, bagi mengetahui dan memberi kesedaran kepada ibu bapa berkaitan kebersihan diri, satu kajian perlu dijalankan. Pada masa yang sama, memandangkan kajian berkaitan kebersihan diri sangat kurang dilaksanakan di negara ini, adalah sangat diperlukan kajian yang boleh menjadi panduan kepada kajian lain sebagai kayu ukur untuk mengetahui tahap kebersihan diri kelompok tertentu. Oleh itu, satu kajian tinjauan bagi mengetahui pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan diri mengikut perspektif ibu bapa kanak-kanak prasekolah telah dilaksanakan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah berdasarkan perspektif ibu bapa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Menentukan perbezaan antara pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah berdasarkan perspektif ibu bapa mengikut jantina anak.
3. Menentukan hubungan antara pengetahuan dengan sikap dan amalan kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah berdasarkan perspektif ibu bapa.

1.5 Persoalan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, terdapat beberapa persoalan kajian yang telah dikenalpasti bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Antara persoalan kajian yang ingin diutarakan adalah:

1. Apakah tahap pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah mengikut perspektif ibu bapa?
    i. Apakah tahap pengetahuan kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah mengikut perspektif ibu bapa?
    ii. Apakah tahap sikap kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah mengikut perspektif ibu bapa?
    iii. Apakah tahap amalan kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah mengikut perspektif ibu bapa?
2. Adakah terdapat perbezaan antara pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah mengikut perspektif ibu bapa berdasarkan jantina anak?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan dengan sikap dan amalan kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah mengikut perspektif ibu bapa?
    i. Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan dengan sikap kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah mengikut perspektif ibu bapa?
    ii. Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan dengan amalan kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah mengikut perspektif ibu bapa?
    iii. Adakah terdapat hubungan antara sikap dengan amalan kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah mengikut perspektif ibu bapa?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini menjawab enam hipotesis alternatif yang telah dibentuk:

H_1 1: Terdapat perbezaan antara pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah mengikut perspektif ibu bapa berdasarkan jantina anak.

H_1 2: Terdapat hubungan antara pengetahuan dengan sikap kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah mengikut perspektif ibu bapa.

H_1 3: Terdapat hubungan antara pengetahuan dengan amalan kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah mengikut perspektif ibu bapa.

H_1 4: Terdapat hubungan antara sikap dengan amalan kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah mengikut perspektif ibu bapa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Kerangka Konseptual dan Teoritikal

Kerangka konseptual dan teoritikal kajian ini telah dibentuk bagi memastikan objektif kajian dan persoalan kajian dapat dicapai. Kerangka ini dibentuk berdasarkan model pengetahuan, sikap dan amalan atau *knowledge, attitude and practice* (KAP) dan dua teori. Model KAP yang digunakan adalah adaptasi daripada Bano, AlShammari, Fatima dan Al-Shammari (2013) dan teori pula daripada Albert Bandura (1977) dan Urie Bronfenbrenner (1979).

Berdasarkan model yang telah dikaji, pengkaji telah mengenal pasti tiga konstruk bagi kajian ini. Tiga konstruk tersebut adalah pengetahuan, sikap dan amalan. Semua konstruk ini berkisarkan tentang kebersihan diri. Menurut Bano et al. (2013) menyatakan pengetahuan merupakan keupayaan untuk memperoleh, menyimpan dan menggunakan maklumat serta gabungan antara pemahaman, persepsi dan kemahiran. Sikap pula merujuk kepada kecenderungan untuk mentafsir situasi seterusnya memberi tindak balas dengan cara tertentu dan menyusun pendapat menjadi struktur yang saling berkaitan. Manakala amalan adalah penerapan peraturan dan pengetahuan yang membawa kepada tindakan.

Menurut Teori Albert Bandura, setiap perkara yang ditunjukkan oleh ibu bapa akan ditiru oleh kanak-kanak. Seterusnya Teori Bronfenbrenner pula menyatakan kanak-kanak dipengaruhi individu yang dekat dengan mereka seperti ibu bapa dan keluarga. Oleh itu, pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan diri ibu bapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempengaruhi kanak-kanak. Rajah 1.7 menunjukkan Kerangka Konseptual dan Teoritikal kajian ini.



Rajah 1.7. Kerangka Konseptual dan Teoritikal

1.8 Definisi Operasional

Kajian ini terdapat beberapa istilah yang menjelaskan dan menerangkan maksud tertentu. Pengkaji menyatakan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan definisi berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.1 Pengetahuan

Pengetahuan merupakan pemahaman terhadap topik yang diberikan kepada sekumpulan individu (Sachdeva, Taneja, & Dwivedi, 2018) dan juga merupakan asas kepada perlakuan atau tingkah laku seseorang individu (Mohd Hilmi Mahmud & Kamaliah Siarap, 2013), serta asas kepada penentuan sikap, niat dan tingkah laku (Nor Kalsum Mohd Isa, 2016). Dalam kajian ini, pengetahuan merupakan pemahaman ibu bapa mewakili kanak-kanak terhadap pengetahuan kebersihan diri dan rutin kanak-kanak. Seperti dalam soal selidik kajian, item pengetahuan berkaitan dengan kebersihan umum dan kebersihan diri, alat kebersihan, etika semasa bersin, membersihkan tangan, kaki dan kuku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.2 Sikap

Sikap manusia dijelaskan sebagai kecenderungan manusia bertindak terhadap mesej atau pengetahuan yang diperoleh secara konsisten terhadap objek atau situasi (Mohd Hilmi Mahmud & Kamaliah Siarap, 2013). Sikap juga merujuk kepada tindakan atau perasaan terhadap subjek dan juga idea-idea yang terbina daripada pengetahuan sebelumnya (Sachdeva et al., 2018; Nor Kalsum Mohd Isa, 2016). Dalam kajian ini, sikap merupakan kecenderungan atau keinginan ibu bapa untuk melakukan perkara positif atau negatif berkaitan kebersihan diri mewakili kebersihan diri kanak-kanak. Sebagai contoh, item pada bahagian sikap meninjau tentang tanggapan terhadap obesiti, kepentingan kebersihan badan dan membasuh tangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.3 Amalan

Amalan merupakan sesuatu yang dilakukan atau dilaksanakan, dikerjakan dan disebut sebagai suatu kebiasaan (Noorsyarzielah Saleh, 2013), cara mempraktikkan pengetahuan dan sikap melalui tindakan (Sachdeva et al., 2018; Nor Kalsum Mohd Isa, 2016), dan tingkah laku seseorang berdasarkan kepada pengetahuan yang telah diperoleh (Mohd Hilmi Mahmud & Kamaliah Siarap, 2013). Dalam konteks kajian ini, amalan bererti perbuatan atau rutin dalam membersihkan diri ibu bapa mewakili kanak-kanak. Contoh item soal selidik adalah berkisarkan kebersihan tangan, wajah, rambut, kuku, dan kaki, kekerapan tukar seluar dalam dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.4 Kebersihan Diri

Kebersihan diri didefinisikan sebagai amalan menjaga kebersihan, menggalakkan dan memelihara kesihatan badan (Al-Rifaai et al., 2018). Bagi kajian ini, kebersihan diri merupakan rutin yang berkaitan dengan kebersihan rambut, muka, gigi, telinga, tangan, dan kuku yang mana diamalkan kanak-kanak dalam kehidupan.

1.8.5 Prasekolah

Menurut Akta Pendidikan 1996 atau Akta 550, pendidikan prasekolah adalah “program pendidikan bagi murid yang berumur dan empat hingga enam tahun” (Undang-undang Malaysia, 2012). Vygotsky mentakrifkan prasekolah merujuk kepada kanak-kanak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang termuda iaitu bayi hingga kanak-kanak yang lebih tua iaitu kanak-kanak prasekolah (Bodrova & Leong, 2003). Dalam konteks kajian ini, prasekolah merujuk kepada prasekolah di bawah KPM di daerah Klang, Selangor.

1.8.6 Ibu Bapa

Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM, 2017), ibu bapa didefinisi sebagai orang tua iaitu emak dan ayah. Selain itu, dalam Akta Pendidikan 1996 atau Akta 550 ada menyatakan "ibu bapa termasuklah penjaga dan mana-mana orang yang mempunyai kawalan di sisi undang-undang atau kawalan sebenar ke atas seseorang murid." (Undang-undang Malaysia, 2012). Dalam kajian ini ibu bapa merujuk kepada sampel kajian iaitu ibu, ayah atau orang yang menjaga kanak-kanak prasekolah yang dikaji.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan lima buah sekolah kebangsaan di negeri Selangor kerana statistik HFMD tertinggi adalah di negeri Selangor. Pensampelan yang digunakan adalah pensampelan rawak mudah. Kajian ini turut memilih ibu bapa sebagai sampel kerana ibu bapa bertanggungjawab untuk memupuk nilai dan sikap yang betul dengan cara menyediakan pengetahuan yang diperlukan seterusnya menyumbang kepada amalan dalam kehidupan anak-anak. Ibu bapa yang terlibat adalah dari sekitar daerah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Klang sahaja. Oleh itu, hasil kajian tidak mewakili kebersihan diri kanak-kanak prasekolah seluruh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan banyak kepentingan kepada pihak tertentu. Pertama sekali, pelaksanakan kajian ini dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang aspek kebersihan diri yang betul. Setelah ibu bapa mengetahui aspek kebersihan diri yang tepat, diharapkan ibu bapa turut dapat memastikan kebersihan diri anak-anak. Secara tidak langsung, kajian ini dapat membantu memberi pendedahan kepada ibu bapa yang tidak mengetahui tentang kebersihan diri atau menambah pengetahuan sedia ada ibu bapa tentang kebersihan diri dan boleh mengamalkan kebersihan diri bersama keluarga. Hasilnya, menerusi amalan kebersihan diri oleh ibu bapa, kanak-kanak dan seluruh keluarga dapat mencegah daripada pelbagai penyakit.

Selain ibu bapa, kajian ini juga mempengaruhi guru dalam mengendalikan kanak-kanak di prasekolah. Pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan diri kanak-kanak secara tidak langsung meringankan pengurusan sepanjang sesi persekolahan memadangkan terdapat beberapa rutin harian yang memerlukan kanak-kanak untuk membersihkan tangan, menggosok gigi dan banyak lagi. Selain itu, dalam konteks pengajaran dan pembelajaran berkaitan kebersihan diri pula, dapat memudahkan guru dalam menentukan objektif yang bersesuaian dengan tahap pengetahuan kanak-kanak dan dapat memberikan pengukuhan yang sesuai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini juga berguna kepada kerajaan bagi mencapai Wawasan 2020. Menerusi Teras Strategi 2 Rancangan Malaysia ke-11 (RMK 11) dalam Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM, 2016a), adalah meningkatkan kesejahteraan rakyat. Bidang fokus utama pula adalah pencapaian akses sejagat penjagaan kesihatan berkualiti. Dalam bidang fokus terdapat lima objektif strategik yang ingin dicapai menjelang 2020. Salah satu daripada objektif tersebut adalah peningkatan amalan gaya hidup sihat. Gaya hidup masyarakat berperanan dalam peningkatan kadar penyakit. Oleh itu, kanak-kanak yang merupakan individu dalam masyarakat perlu memainkan peranan dengan mengamalkan gaya hidup sihat seperti mengekalkan kebersihan diri dan lain-lain.

Selain itu, kajian ini turut menyokong objektif KKM yang mana bertujuan membantu seseorang individu untuk mencapai dan mengekalkan satu tahap kesihatan bagi menjalani kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif. Di samping itu, kajian ini diharap dapat merealisasikan Strategi A4 RMK 11 yang mana memfokuskan kepada langkah mengurangkan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit dengan menggalakkan pencegahan melalui khidmat kesihatan serta mengalakkan gaya hidup sihat (KKM, 2016b).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Rumusan

Tuntasnya, perkara yang dibincangkan dalam bab ini merupakan pengenalan awal kepada tajuk kajian yang bakal dijalankan. Bab ini turut menerangkan mengenai aspek yang berkaitan dengan tajuk utama kajian. Rentetan itu, bab ini adalah penghubung antara bab-bab seterusnya. Seterusnya, bab 2 akan membincangkan berkenaan tinjauan yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas berdasarkan kajian-kajian yang telah dilaksanakan sebagai rujukan dan maklumat terperinci bagi kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi